

**SOALAN NO. : 17**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN  
[ TANJONG MALIM ]**

**TARIKH : 12 JUN 2014**

**SOALAN :**

Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjung Malim ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan kualiti udara di seluruh negara sentiasa dipelihara pada tahap yang sihat iaitu di antara 0 hingga 50 dalam bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) .

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi memastikan kualiti udara di seluruh negara sentiasa dipelihara pada tahap yang baik, Kerajaan melaksanakan Pelan Perancangan Strategik dan Pelan Tindakan Udara Bersih yang telah menggariskan hala tuju kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam pengurusan kualiti udara dan langkah-langkah penyelesaian jangka masa pendek, sederhana dan panjang dalam menangani masalah pencemaran udara.

Beberapa strategi dan pelan tindakan telah dirumus secara komprehensif, holistik dan inter-sektoral dalam Pelan Tindakan Udara Bersih seperti berikut:

- (a) Mengurangkan pencemaran udara dari kenderaan bermotor dan aktiviti perindustrian melalui penguatkuasaan;
- (b) Menangani masalah jerebu yang berpunca dari kebakaran tanah dan hutan serta aktiviti pembakaran terbuka;
- (c) Meningkatkan pembangunan modal insan dan pembangunan keupayaan; dan
- (d) Memperkasakan program-program pendidikan dan kesedaran kepada orang awam serta mempertingkatkan penyertaan mereka dalam pengurusan kualiti udara yang lestari.

Sekian, terima kasih.